

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**

TARIKH : 4 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membantu hasrat Sabah untuk membina sebuah pelabuhan baharu di Kudat dan adakah kajian dan gerak kerja telah dibuat oleh Kementerian mengenai cadangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara umumnya, pembangunan pelabuhan di Sabah merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Untuk makluman, semua pelabuhan di Sabah setakat ini adalah di bawah Kerajaan Negeri.
2. Namun, Kementerian Pengangkutan sentiasa prihatin dengan keperluan pembangunan dan penambahbaikan sektor pengangkutan di seluruh Malaysia, termasuk di Sabah.
3. Kementerian Pengangkutan terbuka untuk perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah berkenaan sebarang bentuk bantuan untuk merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.